

## Elemen Kinesik, Kronemik, Paralinguistik dan Artifaktual dalam Dakwah: Kajian Komunikasi Bukan Lisan Badiuzzaman Said Nursi

MUAZ MOHD NOOR\*  
S. SALAHUDIN SUYURNO  
FARIDAH MOHD SAIRI  
*Universiti Teknologi MARA, Malaysia*

### ABSTRAK

Komunikasi dakwah yang efektif meliputi komunikasi lisan dan bukan lisan. Seseorang komunikator Islam perlu mengambil kira faktor komunikasi bukan lisan ketika menyampaikan pesan dakwah bagi menjamin komunikasi dakwah yang berkesan. Menurut sarjana, penguasaan dan kemahiran ilmu komunikasi bukan lisan oleh para pendakwah seperti bahasa pergerakan badan, penampilan, kemahiran berbahasa, bahan dan sarana dakwah dan sebagainya dapat membantu penghantaran sesuatu mesej dakwah secara lebih optimum dan berkesan. Pada abad ke-21, antara tokoh pendakwah yang berjaya dalam lapangan dakwah adalah Badiuzzaman Said Nursi. Antara faktor penerimaan masyarakat terhadap dakwah Said Nursi adalah penguasaan beliau dalam ilmu retorik (pemujukan) serta ilmu komunikasi bukan lisan, sehingga ia tersebar ke seluruh dunia. Maka kajian ini memfokuskan kajian berkenaan komunikasi dakwah efektif Badiuzzaman Said Nursi khusus dalam empat elemen komunikasi bukan lisan iaitu kinesik, kronemik, paralinguistik dan artifaktual. Metodologi kajian ini menggunakan pakai kajian dokumen bagi pengumpulan data dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan bagi proses penganalisisan data. Hasil kajian memperlihatkan bahawa komunikasi dakwah efektif Said Nursi merangkumi sekurang-kurangnya 4 elemen komunikasi bukan lisan iaitu; (i) kinesik (ii) kronemik, (iii) paralinguistik, dan (iv) artifaktual. Dapatkan kajian juga mendapat pengalaman berdakwah Badiuzzaman Said Nursi melalui kepelbagaiannya metode komunikasi khususnya 4 elemen komunikasi bukan lisan ini membantu menjulang nama beliau sebagai tokoh dakwah dan islah kontemporari, sehingga digelar ‘badiuzzaman’ iaitu keunggulan zaman.

**Kata kunci:** *Komunikasi dakwah, dakwah efektif, komunikasi bukan lisan, Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur.*

## Kinesic, Chronemic, Paralinguistic and Artefactual Elements in Da'wah: A Study of Non-Verbal Communication of Badiuzzaman Said Nursi

### ABSTRACT

Effective da'wah communication includes verbal and non-verbal communication. An Islamic communicator should take into account non-verbal communicative factors when conveying the message of Islam to ensure effective da'wah communication. According to scholars, the mastery and skills of non-verbal communication by the preachers through non-verbal platforms such as eye contact, facial expressions, gestures, postures, language skills, use of objects and movement of the body language can help in the delivery of a da'wah message more optimally and effectively. In the 21st century, among successful preachers in the field of da'wah is Badiuzzaman Said Nursi. Among the factors of the public's acceptance of Said Nursi's preaching is his mastery in the knowledge of rhetoric

\*Penulis koresponden: muaz3108@uitm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4103-13>

Diterima: 5 Januari 2023 | Diperakuan: 7 Mei 2023 | Diterbitkan: 30 September 2025

(persuasion) as well as the knowledge of non-verbal communication, until it spread throughout the world. Thus, this study focuses on the effective da'wah communication of Badiuzzaman Said Nursi specifically in four non-verbal communicative elements, namely *kinesics*, *chronemics*, *paralinguistics* and *artefactual*. This method of study applies document studies for data collection by applying a content analysis approach to the data analysis process. The results showed that Said Nursi's effective da'wah communication includes at least 4 non-verbal communication elements, as mentioned above such as *kinesics*, *chronemics*, *paralinguistics*, and *artefactual*. The findings also found that the experience of Badiuzzaman Said Nursi's preaching through various communication methods, specifically the 4 elements of non-verbal communication, helped to establish his name as a contemporary figure of da'wah and islah, thus being given the name 'badiuzzaman' which means the excellence of time.

**Keywords:** *Da'wah communication, effective da'wah, non-verbal communication, Badiuzzaman Said Nursi, Rasail An-Nur.*

## PENDAHULUAN

Komunikasi memainkan peranan yang sangat penting dalam dakwah. Komunikasi dakwah menjadi medan penyampaian ajaran Islam utama kepada para pengikutnya sejak dahulu, agar terpelihara keamanan dan keselamatan. Namun untuk mencapainya, perlu difahami secara tuntas tentang teknik dan kaedah komunikasi Islam yang betul. Kelemahan yang ketara dalam menyampaikan dakwah akan menyebabkan aktiviti dakwah terbantut seterusnya menghalang tersebarkan agama rahmat sekalian alam ini (Thaib, 2020).

Antara faktor penghalang kejayaan dan keberkesanan dakwah pada hari ini ialah kelemahan dalam menguasai 'peta dakwah' kawasan setempat secara mendalam oleh para pendakwah. Mereka sekadar ingin melepaskan tanggungjawab pengajaran tersebut tanpa memikirkan objektif dan hasil pembelajaran (kesan dakwah) (Burhanuddin et al., 2018). Begitu juga masalah pemilihan pendekatan, uslub, tema atau metode komunikasi yang kurang tepat, selain kaedah penyampaian yang bersifat *judgement* atau hukuman. Akibatnya nilai dan martabat seseorang pendakwah akhirnya merosot di mata masyarakat (Aliff et al., 2020; Ibtisam & Berhanundin, 2019).

Sedangkan komunikasi yang efektif bukan hanya berkenaan isi atau kandungan dakwah, tetapi juga etika dan cara berbicara. Komunikasi dakwah pada masa kini tidak lagi terhad kepada faktor lisan semata-mata, bahkan perlu mengambil kira faktor bukan lisan, seperti teknikal dan bahan dakwah, suasana, golongan sasaran, kemahiran berbahasa dan sebagainya. Begitu juga dengan elemen komunikasi bukan lisan seperti kinesik, kronemik, paralinguistik dan artifaktual. Kesemua elemen komunikasi ini perlu digerakkan secara seiringan bagi memastikan matlamat atau objektif sesuatu komunikasi dakwah itu benar-benar tercapai (Izzaty & Zainab, 2018; Meerangani, 2019).

Maka menurut sarjana dakwah, antara kaedah mengatasi masalah ini adalah menonjolkan seseorang tokoh yang telah diperakui dalam dunia dakwah, untuk dijadikan contoh ikutan atau model, sebagai panduan dan pedoman pada para pendakwah Islam.

*...the author sees two reasons that pose the main challenges in realising the effective instilling of noble values. First, the absence of a model for society to evaluate and second, the apprehension by the non-Islamic society about the approach that is seen solely to recruit or attract them to Islam (Mohamad Zaidin et al., 2018).*

Berdasarkan permasalahan yang timbul ini, maka pengkaji melihat keperluan menonjolkan tokoh atau figura yang sesuai dengan suasana mutakhir, serta relevan dengan *bi'ah* setempat yang terdiri dari masyarakat majmuk yang berbilang kaum, budaya dan agama seperti Malaysia. Tokoh tersebut ialah Syeikh Badiuzzaman Said Nursi, seorang ulama yang terkenal dalam dunia keilmuan Islam dan dakwah (Akhmetova, 2021).

Beliau adalah tokoh yang kaya dengan pengalaman berdakwah di pelbagai lapangan seperti dalam dunia politik dan kenegaraan, pendidikan, kerohanian dan moral, sehingga ke kancah peperangan mengangkat senjata. Pengalaman berdakwah dalam semua sisi ini, menyebabkan beliau diangkat sebagai tokoh dakwah dan islah kontemporari, sehingga digelar '*badiuzzaman*' iaitu keunggulan zaman (al-Qadsi & Bidin, 2017). Beliau melakukannya dengan mempraktikkan secara serius elemen komunikasi retorik persuasif, lisan dan bukan lisan, analogi kreatif dan berhikmah, bagi memberi kefahaman pada kebanyakan orang (Ozalp, 2016; Al-Yassino, 2022).

Penguasaan yang baik terhadap ilmu-ilmu agama dan ilmu alat komunikasi seperti kinesik, kronemik, paralinguistik dan artifaktual sangat membantu usaha dakwah Said Nursi ketika di lapangan. Menurut Mishra (2018), kesemua isyarat bukan lisan ini, sama ada dibawah sedar atau tidak sedar yang dihantar oleh pengirim mempunyai kesan yang besar pada keseluruhan mesej yang disampaikan. Justeru, Said Nursi tidak hanya tertumpu kepada penggunaan satu metode semasa menyampaikan pesan dakwah, beliau mempelbagaikan kaedah dan pendekatan bagi memaksimumkan penyampaian maklumat kepada orang ramai (Norullisza et al., 2022).

#### KAJIAN LITERATUR

Antara kajian yang membincangkan berkenaan Said Nursi dan dakwah ialah sebuah kajian tulisan Bakti (2021) yang bertajuk "*Good Deeds as Positive Action in Nursi's Work: Human Communication Perspective*", yang telah mengkaji berkenaan pendekatan Said Nursi menterjemah kaedah komunikasi sesama manusia berpandukan analisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan konsep taqwa. Said Nursi sememangnya menggalakkan hubungan baik (komunikasi) antara manusia, sebagai sebahagian daripada kepercayaan kepada Tuhan, untuk membuka jalan kepada tindakan positif. Begitu juga sebuah lagi kajian oleh Norullisza et al. (2021) bertajuk "*Aspek-Aspek Pembangunan Insan: Analisis Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi*" yang telah mengupas gagasan dakwah Said Nursi secara umum melalui aspek-aspek pembangunan insan seperti rohani, emosi dan intelektual.

Dalam kajian oleh Akhmetova (2021) yang bertajuk, "*Said Nursi on Secularism, Religious Rights, Ethics, and Education*" pula membincangkan bagaimana Said Nursi mempelopori usaha gabungan antara elemen sains dan agama untuk mewujudkan keharmonian antara tamadun Eropah dan Islam, sebagai tunjang dan matlamat utama gerakan dakwahnya. Begitu juga dengan kajian Muhammad Zulqarnain et al. (2022) bertajuk "*Interpretation of Diverse Dimensions of 'Faith' By Bediuzzaman Said Nursi and Its Impact Upon Reawakening Muslim Societies*" mendedahkan hasil kajian bahawa Said Nursi menjadikan dasar 'iman' sebagai kunci utama dakwah agar membawa perubahan luas dalam semua aspek kehidupan manusia.

Sementara dalam kajian berkaitan dakwah terkini, Aliff et al. (2020) yang bertajuk "*Komunikasi Berkesan Menerusi Pembelajaran*" telah mencirikan bentuk komunikasi dakwah Rasulullah SAW yang begitu efektif, yang perlu dicontohi oleh semua pendakwah yang lain, khususnya para guru-guru sekolah. Begitu juga kajian Thaib (2020) bertajuk "*The*

*Communication Strategies for Moderate Islamic Da'wah in Countering Radicalism*" menjelaskan tentang faktor-faktor kejayaan sesuatu dakwah adalah berdasarkan strategi komunikasi yang berkesan. Dakwah yang baik bukan sahaja membantu kefahaman Islam, malah menjadi penghalang wujudkan amalan radikal yang boleh meruntuhkan imej Islam.

#### KOMUNIKASI DAKWAH EFEKTIF BADIUZZAMAN SAID NURSI

Secara umum, jenis metode dakwah Badiuzzaman Said Nursi adalah berlandaskan metode *dakwah bil-hikmah*, metode *dakwah bil-hasannah*, atau metode *dakwah al-mujadalah al-husna*, yang mana ketiga-tiga metode ini diadaptasi dari surah al-Nahl, ayat yang ke-125. Namun dalam beberapa kajian yang lain, mereka membahagikan elemen komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi kepada dua bahagian utama, iaitu komunikasi lisan (*verbal*) dan komunikasi bukan lisan (*non-verbal*). Ini berikutan Said Nursi bukan sahaja menyampaikan dakwah dengan lisannya, malah turut membuktikan dengan perlakuan dan tindakannya (Norullisza et al., 2022; Thameem Ushama, 2019).

Di dalam kitab *Rasail an-Nur*, terdapat lebih dari 130 tajuk seperti *al-Kalimat*, *al-Maktabat*, *al-Luma'at*, *al-Shu'a'at*, *Isyarat al-I'jaz fi Mazan al-Ijaz* dan lain-lain dihasilkan oleh Badiuzzaman Said Nursi dengan tujuan utamanya untuk menyelamatkan iman masyarakat ketika itu dengan cara menjelaskan intipati dan hakikat al-Quran. Selain pengisiannya yang padat dengan tema komunikasi berbentuk horizontal dan vertikal, penghasilan risalah-risalah ini juga bertujuan membela murid Said Nursi (*Tullāb al-Nūr*) yang berdepan pelbagai dakwaan di mahkamah, terutamanya hujah-hujah berkenaan perkara rumit yang menyentuh ketauhidan kepada Allah SWT, hari akhirat dan lain-lain lagi (Faridah, 2015; Norullisza et al., 2021).

Sebagaimana pendakwah-pendakwah terkenal yang lain, Said Nursi turut mempunyai ciri-ciri atau pendekatan dakwahnya yang tersendiri. Pendekatan yang sesuai dan berstrategi mengikut arus kemodenan semasa akan membezakan impak dan tahap penerimaan masyarakat terhadap seruan dakwah seseorang pendakwah (Amin, 2018; Nur Sakinah, 2019). Sementara Bakti (2021) menyatakan bahawa, ciri-ciri komunikasi Said Nursi yang efektif, layak dicontohi oleh seluruh komunikator, khususnya para pendakwah.

*...in term of communication, Said Nursi's ideas are in line with the Active Reception model of development that encourages the members of community (receivers) to be taking active roles in changing their fate* (Bakti, 2021).

Dari sudut keilmuan dan kepakaran Said Nursi, beliau jelas berjaya menonjolkan kemahiran beliau dalam hal ini. Penguasaan yang baik terhadap ilmu-ilmu agama dan ilmu alat (medium dan teknik komunikasi) sangat membantu usaha dakwah Said Nursi ketika di lapangan. Kredibiliti peribadi yang ada pada Said Nursi ini ternyata membantu penerimaan masyarakat kepada beliau (Nur Sakinah, 2017).

#### KOMUNIKASI BUKAN LISAN

Komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasar menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan (Farra et al., 2023). Salah satu elemen komunikasi adalah komunikasi bukan lisan. Komunikasi bukan lisan ialah satu proses penjanaan makna menggunakan tingkah laku atau perbuatan (*action*) selain daripada perkataan. Komunikasi bukan lisan melibatkan

kemahiran menyampaikan mesej, sama ada secara fizikal atau bukan fizikal seperti di ruang maya (Nuredayu & Salafiah, 2021). Menurut Adler dan Rodman (2003), komunikasi tanpa lisan adalah "*oral and non-oral messages expressed by other than linguistic means*". Sementara menurut Bovee dan Thill dalam Kristiyanti (2012), komunikasi bukan lisan ialah gerak-geri, gaya, intonasi suara, sikap dan sebagainya yang akan membolehkan seseorang berkomunikasi tanpa menggunakan perkataan lisan.

Komunikasi bukan lisan terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya ialah objek komunikasi (cara berpakaian), sentuhan (berjabat tangan), kronemik (masa), 'gesture' (ekspresi wajah), prosemik (ruang), vokal (intonasi suara) dan persekitaran (ruang dan jarak) (Kristiyani, 2012). Sementara menurut Ruben dan Stewart (2005) pula menjelaskan, komunikasi bukan lisan mempunyai beberapa saluran iaitu *paralanguage* meliputi mesej pendengaran vokal yang dibuat dalam bentuk pertuturan. Selain itu, ia juga merangkumi nada suara, nada pertuturan, intonasi, nyaring atau lemah suara dan kelajuan pertuturan.

Maka, setiap kali interaksi komunikasi bukan lisan berlaku antara dua pihak, tanpa kita sedar ia akan melibatkan tingkah laku (*gestures*), pergerakan mata, perubahan postur badan dan mimik muka. Sedar atau tidak, tingkah laku dan pergerakan ini adalah pelengkap kepada situasi bercakap sebenarnya. Ia memberi kesan kepada maklum balas yang efektif dalam sesebuah komunikasi (Noor Afzaliza et al., 2022).

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dalam proses pengumpulan data. Data akan dianalisis bagi memahami teori dan praktis komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi di Turki melalui kitabnya *Rasail an-Nur*. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sumber data primer dan data sekunder dalam proses mengumpulkan data. Data primer diperoleh melalui metode dokumentasi, sementara data sumber sekunder pula diperolehi melalui metode analisis kandungan daripada laporan penyelidikan komunikasi dakwah, resolusi dari seminar atau wacana dakwah dan komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi, dokumen-dokumen dari badan dan organisasi dakwah dan lain-lain.

Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, pengkaji akan membuat penelitian ke atas sumber asal *Rasail an-Nur* yang dilihat mempunyai maklumat penting berkaitan pendekatan komunikasi dakwah Said Nursi secara mendalam. Proses seterusnya merupakan perbandingan sumber di mana sumber yang diperoleh akan dibandingkan dengan rekod-rekod lain seperti buku-buku, jurnal, latihan ilmiah dan sebagainya. Proses ini penting bagi menentukan kebenaran dan kefahaman sumber yang diperolehi. Penyelidikan ini akan melalui proses analisis yang melibatkan penyimpulan berdasarkan sumber primer dan sekunder. Proses ini akan menghasilkan sintesis sumber-sumber yang dinyatakan dan seterusnya melahirkan dapatan kajian. Proses terakhir merupakan proses penulisan sejarah atau dikenali sebagai historiografi sejarah.

Beberapa kajian didapati mempunyai persamaan dari sudut sifat dan tumpuan kajian mengenai abstrak. Artikel ulasan akan dibuat berdasarkan penilaian terperinci dalam kata kunci mengenai komunikasi dan dakwah, serta elemen-elemen komunikasi bukan lisan seperti kinesik, kronemik, paralinguistik dan artifaktual. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan dalam membangunkan model atau metode komunikasi dakwah yang berkesan khususnya di Malaysia.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut adalah kajian lebih mendalam komunikasi dakwah Said Nursi terhadap 4 elemen komunikasi bukan lisan iaitu Kinesik, kronemik, Paralinguistik dan Artifaktual. Keempat-empat elemen ini adalah tunjang dalam komunikasi bukan lisan manusia sesama manusia.

### *Kinesik*

Kinesik berasal dari bahasa Greek “*kinesis*” yang bermaksud “pergerakan”. Ia merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji tentang pergerakan badan seperti tangan, keadaan tubuh dan ekspresi muka semasa berkomunikasi (Grothe, 2023). Kinesik merupakan kaedah utama untuk berkomunikasi dan sering menyokong atau bahkan menggantikan komunikasi lisan (Nuredayu & Salafiah, 2021).

Menurut Richard (2009), terdapat banyak kajian berkaitan bahasa badan mendapati, cara seseorang itu muncul di khalayak ramai dari segi gerak isyarat tubuhnya boleh menentukan kejayaan atau kegagalan komunikasi seseorang. Sementara menurut Joshua (2007), kawalan pergerakan tubuh badan semasa berkomunikasi amat penting bagi menyampaikan sesuatu mesej. Selain berfungsi menyokong apa yang diucapkan di lisan, ia boleh menarik perhatian penonton atau pendengar (Nordin, 2016).

Menurut Said Nursi, manusia dikurniakan secara sempurna dengan kewujudkan pelbagai bahagian tubuh badan, selain mulut atau lidah untuk berkomunikasi. Antaranya seperti organ dalaman dan luaran, deria-deria, perasaan dan anggota badan. Semua penciptaan ini mempunyai fungsi dan peranan dalam konteks hubungan manusia dengan Allah SWT dan juga manusia sesama manusia. Ia adalah bukti keindahan dan kesempurnaan penciptaan (Said Nursi, 2008).

Maka berikut adalah beberapa bentuk komunikasi kinesik menurut Said Nursi, yang penting dalam konteks hubungan sesama manusia, khususnya dalam rangka dakwah efektif. Antara elemen kinesik yang akan dibahaskan dalam kajian ini ialah jelingan mata, mimik muka dan pergerakan anggota badan.

#### *a. Jelingan Mata*

Mata merupakan saluran komunikasi bukan lisan yang penting dalam sesebuah komunikasi. Ia mampu memberi sesuatu isyarat atau mesej kepada orang lain, gembira, sedih dan sebagainya, seperti kelipan mata yang berulang kali melambangkan kerisauan dan lain-lain (Noor Afzaliza et al., 2022).

Dalam risalah *The Twenty-fifth Word*, Said Nursi menjelaskan contoh kepentingan atau peranan mata dalam konteks komunikasi manusia, dengan menyatakan lirikan mata yang diiringi dengan syahwat boleh merosakkan hati dan akhlak. Walaupun ia tidak melibatkan anggota lisan untuk menzahirkan kata-kata yang buruk, namun menurut Said Nursi, cukup dengan bahasa mata, menyebabkan kebinasaan pada kehidupan mereka.

*...just as looking lustfully and desirously at the corpse of a beautiful woman, that is in need of compassion, destroys the morality, so too looking desirously at the pictures of dead women or at the pictures of living women, which are like their little corpses, shakes the elevated human emotions at their cores, and destroys them (Said Nursi, 2007c).*

Saranan Said Nursi ini bertepatan dengan apa yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Ia bertitik tolak dari kalam Allah yang bermaksud: *"Katakanlah kepada laki-laki yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu, lebih suci bagi mereka. Sungguh, Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat"* (Surah an-Nur, 30).

Maka dalam Rasail an-Nur, ketika membahaskan tentang wanita dan hikmah berhijab (tudung), Said Nursi menyatakan bahawa pandangan atau jelingan mata oleh kaum lelaki membuatkan kaum wanita tidak selesa.

*...women are naturally uncomfortable from the male gaze and veiling would help them elevate this problem* (Nursi, 2007).

Di alam realiti, Said Nursi menzahirkan apa yang diucapkan dalam dakwah penulisan. Sukran Vahide merekodkan dalam beberapa peristiwa, tatkala berinteraksi dengan para wanita, Said Nursi sentiasa menjaga adab dengan memelihara matanya saat berhadapan dengan mereka. Said Nursi tidak akan menoleh melihat ke wajah wanita sekiranya tiada keperluan dan kepentingan (Norullisza et al., 2021)

*...the Old Said stayed in Istanbul for ten years during his youth, and he did not look at a woman once* (Vahide, 2005, 2011).

#### b. Mimik Muka

Dalam ilmu komunikasi bukan lisan, pergerakan atau mimik muka adalah sebahagian dari maksud '*gesture*' atau pergerakan badan (selain tangan, kaki, dan pergerakan mata). Ia termasuk dalam elemen kinesik yang boleh menjelaskan mesej dalam sesebuah komunikasi. Tanpa kita sedari, mimik muka juga akan sentiasa berubah semasa bercakap atau mendengar (Noor Afzaliza et al., 2022)

Menurut Said Nursi, Allah SWT menciptakan manusia dengan sebaik-baik penciptaan, sebagaimana yang digambarkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran, dalam Surah at-Tiin, ayat 4 yang bermaksud, *"Sesungguhnya Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya"* (Surah at-Tin, ayat 4). Menjelaskan hal ini, Said Nursi menyatakan:

*...every creature is subjugated to a precise, perfect, and regular order, and all its members and organs are appointed and attached to it with a sensitive, exact balance, and measure. Furthermore, each living creature is given a well-proportioned, beautiful, and unique face* (Said Nursi, 2007b).

Berdasarkan kepentingan wajah ini, Said Nursi menekankan fungsi dan peranan wajah manusia di dalam *risalah al-mathnawi*. Menurut Said Nursi, wajah yang dikurniakan Allah SWT pada setiap manusia ini mempunyai peranan dan fungsinya. Walaupun struktur muka setiap manusia adalah sama, namun ia mempunyai ciri-ciri yang boleh dibezakan antara satu sama lain. Selain fizikal wajah boleh menggambarkan ciri-ciri manusia seperti perempuan dan lelaki, tua dan muda, ekspresi wajah juga boleh memberi tafsiran atau isyarat kecerdikan, kegembiraan, kesedihan, marah dan lain-lain (Said Nursi, 2007).

*...all glory be to Him Who includes and inscribes endless features on the page of your face. Although they cannot be comprehended by reason and beheld with a superficial look, they are discerned through insight and can be perceived in detail by a careful look (Said Nursi, 2007a).*

Menurut Said Nursi, walaupun pada wajah tiada bahasa yang boleh didengari oleh pendengar, namun jika ia diperhatikan dengan pandangan yang tulus dan mendalam, ekspresi wajah akan menceritakan hal yang sebenarnya. Sifat, watak dan hati seseorang itu yang akan menterjemahkan bahasanya melalui wajah seperti senyum, marah dan sebagainya. Ia adalah takdir Allah SWT atas *musabbab* dari sifat dan perilaku (hati) pemilik wajah, iaitu manusia itu sendiri.

*...what is emitted from inside to outside is in accord with the will of that Source (Said Nursi, 2007a).*

Menurut Said Nursi, yang menentukan corak dan ekspresi wajah kita adalah pada niat. Ia akan menentukan ekspresi pada wajah. Sekiranya niatnya tulus, maka akan diberikan wajah yang telus, seterusnya akan menjamin manifestasi kepada tindakan yang baik dan positif. Begitu juga sebaliknya.

*...in the same way, our deeds have two "faces." Those done with the intention to please God, provide you with a transparent face, in the depth of which numberless manifestations are reflected. The lack of such an intention shows a dark, opaque face that bears nothing in the name of truth (Said Nursi, 2007a).*

Dari satu sudut yang lain, Said Nursi menjelaskan wajah adalah lambang peribadi seseorang. Wajah seseorang komunikator akan terlebih dahulu difahami, sebelum dia berkata-kata. Dan ‘bahasa’ yang terdapat pada wajah seseorang komunikator adalah atas pengabdian yang tulus kepada tuhan.

*...the imprints of their worship are discerned in their lives, manners, and even on their faces (Said Nursi, 2007a).*

Dalam satu kisah dakwah Said Nusi, beliau dilihat amat berhemah apabila menyantuni seorang pemabuk yang terkenal dengan beberapa siri jenayah dan maksiat dengan cara yang baik. Tidak sebagaimana orang lain saat berhadapan dengan cara yang keras, Said Nursi menyantuni pemabuk ini dengan cara hikmah. Said Nursi melontarkan senyuman dan menuturkan salam sebelum dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang menegur pemabuk itu agar kembali ke rumah, mandi, bertaubat dan mendirikan solat (Norullisza et al., 2021; Said Nursi, 2013).

*...Said Nursi did not turn him away. And Said Nursi said: "Yes, my brother," and received the drunk bandit. From then, he was saved from drink, from banditry, from crime. Now he lived as a believer (Vahide, 2005).*

Said Nursi juga menekankan ekspresi muka atau refleksi badan kita tidak perlu melampaui batas yang dibenarkan. Seseorang komunikator muslim yang akalnya sihat, ialah mereka yang tidak berlebihan dalam memberi reaksi keseronokan atau kekecewaan, marah atau mengeluh terhadap sesuatu ujian yang terjadi.

*...know, o friend, that if your intellect is sound, you should not rejoice or grieve, be angry or complain, about anything you gain or lose here... (Said Nursi, 2007a).*

Selain, itu senyum adalah salah satu reaksi wajah atau mimik muka yang sangat penting dalam komunikasi bukan lisan. Said Nursi digambarkan oleh yang kerap tersenyum. Pernah suatu ketika, para pelajar Said Nursi mengirimkan bantuan zakat atau sedekah kepada Said Nursi melalui abangnya. Mereka bersympati kepada kemiskinan Said Nursi dan memberi alasan, Said Nursi adalah dari asnaf yang layak menerima zakat. Namun Said Nursi menolaknya dengan baik, dengan melontarkan senyuman (Vahide, 2005).

Senyuman Said Nursi ketika ini adalah isyarat bahawa beliau bersungguh-sungguh menolak pemberian orang lain, namun dengan cara yang baik. Senyuman ini adalah terjemahan terima kasih dan menghargai niat dan kebaikan mereka (dalam risalah yang lain, Said Nursi menjelaskan beliau tidak akan sesekali menerima pemberian zakat, sedekah dan hadiah kepadanya, dengan beberapa sebab, antaranya untuk menjaga nilai keikhlasan dalam berdakwah) (Vahide, 2005).

#### c. Gerakan Badan dan Tangan

Menurut Said Nursi, semua anggota badan dan deria rasa mempunyai peranan dan memberi kesan dalam kehidupan sosial manusia. Mereka berkhidmat pada tuan dengan penuh amanah. Kerana itu di dalam Islam, semua anggota akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Gerakan anggota badan dan tangan (*gestural*) memberi isyarat tentang tingkah laku seseorang, seperti mendorong, menghalang, agresif dan sebagainya (Said Nursi, 2007c).

Kepentingan bahasa badan ini turut dikupas Said Nursi tatkala membicarakan tentang doa dalam konteks manusia dengan tuhan. Said Nursi membahagikan doa kepada dua, iaitu jenis lisan (petisyen) dan keduanya tindakan badan (tingkah laku). Ada kalanya berdoa menggunakan bahasa badan (bertindak dan berusaha) lebih cepat mendatangkan hasil. Maka begitulah jua dalam konteks hubungan dengan manusia. Kadangkalanya bahasa badan (bertindak) lebih memberikan kesan kepada para khalayak (Tekke & Watson, 2017).

Contoh yang lain adalah karektor Said Nursi semasa menjadi tentera perang. Sukran Vahide (2005) memaparkan kisah pernyataan Said Nursi dalam sebuah peperangan di ambang kejatuhan kerajaan Uthmaniah. Said Nursi telah diberikan amanah sebagai pegawai agama tentera (*army religious functionary*). Menurut saksi dalam peperangan tersebut, Said Nursi sentiasa bersemangat dalam berhadapan dengan musuh. Beliau tidak kekal duduk berselindung di dalam parit atau benteng, malah bergerak maju dan mara ke depan dan sekeliling, bertujuan menaikkan motivasi para tentera yang lain.

*...to boost the volunteers' morale in those arduous conditions, he rarely entered the trenches, moving around the front lines on his horse, always to the fore of the fighting (Vahide, 2005).*

Aksi perbuatan tanpa arahan lisan ini adalah teknik komunikasi bukan lisan Said Nursi melalui bahasa badan (*gesture* dan *posture*) bagi menyampaikan mesej agar berani, tidak takut, bersemangat dan terus berjihad. Inilah juga yang ditonjolkan Rasulullah SAW dalam sirahnya. Banyak kisah memaparkan nabi SAW bertindak tanpa arahan lisan, namun gerak geri nabi cukup memberi satu mesej komunikasi kepada para pengikutnya. Contohnya dalam peristiwa perang Khandak. Nabi SAW turut menggali parit untuk memberi isyarat kerjasama berpasukan dan kepimpinan melalui tauladan (Sariningsih et al., 2019).

Dalam setengah keadaan, bahasa badan yang ‘diam’ (tidak menunjukkan apa-apa pergerakan) kadang kala membawa beberapa isyarat. Dalam ilmu as-sunnah Rasulullah SAW, ia disebut *takrir*, iaitu tindakan diam nabi (tanpa beri isyarat setuju atau bantah) turut membawa mesej yang tersirat. Kaedah komunikasi nabi ini menunjukkan bahawa Nabi SAW berhati-hati dalam menyikapi sesuatu isu agar tidak disalah erti (Rohaenah et al., 2020).

Said Nursi menjelaskan hakikat ‘diam’ dalam konteks manusia hari ini ada dua. Satu diam yang mendatangkan manfaat, sementara satu lagi diam membawa isyarat negatif dan kerosakan. Contohnya dalam komunikasi manusia terhadap kesalahan dan dosa yang dilakukan manusia yang lain, apabila ada pihak yang diam (mendiamkan diri) dengan maksud tidak mahu mencegah kemungkaran, maka ia memberi isyarat bahawa tindakan bukan lisan ini bakal membawa kerosakan kepada manusia (Said Nursi, 2007a).

Contohnya ketika Said Nursi menjawab satu soalan berkenaan tragedi gempa bumi, yang memberi balasan kepada mereka yang melakukan dosa dan jenayah, namun dalam masa yang sama turut mengorbankan orang-orang Islam yang beriman dan soleh. Jawab Said Nursi:

*...is that it is not correct to say about any human society that only a few people have sinned. in every society, most people are in one way or another involved in the general wrongdoing. Whether it be the injustices visited upon the poor, the corruption of politicians and businessmen, public promiscuity, or general disbelief, many people cooperate silently in such misdeeds in various ways. Whether by complacently ignoring the wrong, by profiting from the wrongdoing in one way or another, by passively putting up with it and doing nothing to stop it, or by defending the rights of miscreants to carry out their offences, guilt is more widespread than that for which a relatively small number of perpetrators is responsible (Abu-Rabi, 2016).*

Berdasarkan penjelasan Said Nursi, diam atau tidak bertindak menghalang atau mencegah satu-satu kemungkaran yang dilakukan oleh seseorang, sama ada mencegah secara lisan, atau perbuatan anggota badan ataupun hati adalah juga satu bentuk kemungkaran. Ini bertepatan dengan maksud hadith nabi SAW agar mencegah sesebuah kemungkaran, sama ada melalui lisan atau selain lisan (Hadith riwayat Muslim, no.49; Hadith Riwayat Ahmad, no. 514; Hadith Riwayat Abu Daud, no. 4345)

### **Kronemik**

*Chronemics* merujuk kepada bagaimana manusia mengatur dan menggunakan orientasi masa dalam berkomunikasi. Tafsiran penggunaan masa adalah sesuatu yang subjektif kerana ia banyak dipengaruhi oleh budaya, status, psikologi dan kesesuaian konteks. Persepsi masa yang berbeza, seperti kepentingan menepati masa, boleh menjadi punca pergeseran dalam komunikasi antara budaya. Dengan faktor masa, sesuatu mesej itu perlu dinilai dalam kategori

perlu disegerakan untuk diberikan maklum balas, dilengahkan, atau boleh diabaikan maklum balas (Grothe, 2023; Kalman et al., 2021).

Said Nursi sangat berhati-hati dalam soal masa. Sukran Vahide (2005) memuatkan sejumlah kisah bagaimana Said Nursi sentiasa mengejar masa bagi menambah sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, selain berusaha sedaya upaya menggunakan kesempatan masa yang ada untuk berdakwah. Said Nursi benar-benar menghargai masanya demi menyampaikan dakwah sehingga beliau tidak berkesempatan untuk berkahwin. Malah, sebahagian besar penulisan *Rasail an-Nur* ditulis ketika beliau di dalam penjara dan dalam pembuangan daerah (Said Nursi, 2013).

Said Nursi dilaporkan pernah (terpaksa) menolak kunjungan orang ramai ke kediamannya berikutan menghargai masa. Perkara ini direkodkan dalam risalah Emirdag Lehidaki. Menurut pelajar-pelajar Said Nursi, ramai orang berhasrat bertemu dengan Said Nursi, namun mereka terpaksa pulang hampa. Ini berikutan Said Nursi pernah menyatakan bahawa sesiapa yang ingin bertemu dengannya untuk urusan agama dan *Rasail an-Nur*, maka Said Nursi akan meraikannya. Namun jika pertemuan itu untuk urusan dunia, maka Said Nursi terpaksa menolak dengan alasan ia membazirkan masa (Vahide, 2005).

*...if they want to meet with him in connection with this world and worldly matters, then, since he has earnestly given up the world, he suffers serious discomfort, because things concerning it are trivial and a waste of time* (Vahide, 2005).

Begitu juga, tatkala Said Nursi menuntut di sebuah madrasah Bayezit, Said Nursi telah mempersoalkan sesetengah subjek di sebuah sekolah, yang menurutnya banyak membazirkan masa para pelajar kerana silibusnya yang berulang serta tidak mengikut arus semasa. Menurut Vahide (2005), matlamat Said Nursi menegur pihak madrasah kerana bagi Said Nursi, waktu muda adalah waktu yang sangat berharga, khususnya bagi seorang pelajar. Perlunya ada pembaharuan dalam sistem mata pelajaran bagi mengelakkan masa terbuang.

### *Paralinguistik*

Paralinguistik merujuk kepada elemen lisan yang terkeluar dari mulut tetapi tidak dalam bentuk perkataan. Ia juga dikenali sebagai kajian berkenaan nada dan intonasi suara, yang boleh menentukan maksud seseorang komunikator. Paralinguistik berfungsi untuk menyatakan perasaan, mengawal, mengarah, menekan sesuatu maksud dan meningkatkan kadar pembujukan (Grothe, 2023)

Direkodkan dalam perjalanan hidup Said Nursi semasa fasa *Said Awwal (Old Said)*, Said Nursi membesar pada zaman remaja dengan satu sikap yang lain dari kebiasaan. Beliau tidak gemar menerima satu mesej dengan nada memerintah (*commanding tone*). Sama ada kerana kenakalan beliau sewaktu zaman kanak-kanak atau pun lambang sifat hati yang lembut, sikap ini akhirnya membentuk Said Nursi sebagai seorang yang sering menggunakan laras dan nada yang lembut dan sederhana, walaupun terhadap pihak kerajaan yang memusuhiinya (Vahide, 2005).

Kemudian, dalam satu kisah ketika mana Said Nursi dizalimi di penjara Denizli, Said Nursi telah dihadapkan ke kamar mahkamah untuk dibicarakan. Walaupun Said Nursi dan pelajar *Tullab an-Nur* telah diseksa emosi dan fizikal mereka oleh pihak penjara, namun semasa sesi pembelaan, Said Nursi kekal berhujah dengan nada yang lembut dan sederhana.

*...while for the most part Nursi's tone in his defense was mild and reasoning, when it came to exposing the plots against the Risale-i Nur, which were the cause of the trial, his words were anything but mild, despite the precariousness of his position (Vahide, 2005).*

Walaupun ada ketikanya Said Nursi terpaksa bertegas dengan kezaliman dari pegawai-pegawai kerajaan, namun kebanyakannya Said Nursi memilih untuk menjawab secara tenang dan berhemah. Malah Said Nursi menamakan penjara sebagai 'madrasah al-yusufiyya' (sekolah Nabi Yusuf) sebagai motivasi beliau dan pelajar-pelajarnya supaya terus mengawal emosi dengan sabar dan tabah di bawah tekanan yang hebat (Ozalp, 2016; Al-Yassino, 2022).

### *Artifaktual*

Artifaktual adalah sebahagian daripada isyarat komunikasi melalui cara penampilan diri dan berpakaian. Penampilan diri seperti solekan, barang kemas serta fesyen pakaian, cara berpakaian dan pemilihan warna boleh menentukan personaliti serta memberi mesej tentang status dan keperibadian seseorang. Artifaktual mempengaruhi cara kita melihat diri kita dan yang kita gunakan untuk menyatakan identiti kita kepada orang lain (Grothe, 2023).

Dalam hal ini, Said Nursi adalah seorang pendakwah yang terkenal dengan identiti dan penampilan yang tersendiri. Said Nursi terkenal dengan orang yang berwatakannya dengan pakaian traditional. Ciri-ciri pakaian Islam dan tradisi muslim Turki Kurdish sudah mula menjadi identiti Said Nursi sejak dari zaman remaja. Hal ini turut direkodkan oleh pelajar-pelajar Said Nursi, ketika Said Nursi pulang ke Istanbul pada tahun 1918.

*...Said Nursi was still wearing the traditional dress of eastern Anatolia, but of a very elaborate kind. With a turban of fine material wound around a black cap, its tip hanging down over one shoulder, he looked very imposing (Vahide, 2005).*

Kinyas Kartal, seorang tokoh terkenal di daerah Van turut menyifatkan material dan warna serban Said Nursi, dengan mengatakan bahawa serban yang sering dipakai Said Nursi adalah diperbuat daripada sejenis kain muslin, dan berwarna putih. Ianya dililitkan secara berpintal mengelilingi kepala Said Nursi. Sementara baju yang dipakai adalah sejenis pakaian kegamaan yang disebut sebagai cübbe atau pun di dalam bahasa arabnya jubba (jubah). Ciri-ciri pemakaian traditional agama di tengah-tengah masyarakat yang mula luntur jatidiri agama ini adalah satu bentuk jihad dalam berpakaian. Identiti ini membantu melonjakkan imej dan karektor Said Nursi yang tersendiri di mata masyarakat (Vahide, 2005).

Pernah satu ketika, pada tanggal 25 November 1925, kerajaan di bawah pemerintahan Mustafa Kamal Ataturk telah menguatkuasakan undang-undang Topi (*Sapka Kanunu* atau *Hat Act*) di Turki, sebuah akta yang melarang rakyat Turki dari memakai pakaian penutup kepala yang bercorak keagamaan. Antara penutup kepala yang diharamkan ketika itu seperti fez (topi tradisional Turki diperbuat dari kain lakan merah dan berjumbai) dan serban untuk kaum lelaki, serta mewajibkan pakaian Barat seperti topi (*European-style hats*). Mereka yang berkeras dengan memakai pakaian ini dianggap melanggar peraturan pemerintah dan akan dikenakan hukuman (Vahide, 2005).

Dilaporkan, walaupun dilaporkan ratusan orang telah ditangkap hanya atas alasan berpakaian traditional, namun Said Nursi tidak berganjak dengan pendiriannya. Beliau enggan membuang serban dan jubahnya, malah tetap memakainya sehingga ke penghujung usianya (Vahide, 2005). Pernah ketika mana ditahan dan dibicarakan di bawah akta penutup kepala ini, Said Nursi menjawab soalan hakim dengan mengatakan, "*This turban comes off with this head!*" (serban ini datang bersama-sama dengan kepala ini). Akibatnya beliau telah dihantar ke penjara Denizli (Said Nursi, 1959).

Menurut Vahide (2005), selepas Said Nursi dibebaskan dari penjara Eskisehir pada tahun 1935, beliau telah ditahan dan dihantar pula ke wilayah Kastamonu tahun berikutnya iaitu pada tahun 1936 untuk menjalani hukuman dibuang daerah atau tahanan rumah. Di sini Said Nursi telah ditahan selama lebih tujuh tahun, dan telah menerbitkan beberapa penulisan seperti risalah '*The Supreme Sign*' dan juga surat-surat '*Kastamonu Lahikası*'. Sepanjang tempoh ini jugalah Said Nursi kekal dengan pakaian sunnahnya walaupun sedar risiko yang bakal dihadapinya.

*...he also could not abide the compulsory changes in dress. Nursi's refusal to abandon his Islamic gown (jubah) and turban were doubtless made the pretext for the harassment he received* (Vahide, 2005).

Menariknya, ketika berada dalam tempoh tahanan dan pengawasan ketat oleh pihak polis di Kastamonu, dan akta berpakaian masih lagi terpakai, Said Nursi masih mengekalkan cara berpakaian islamik dan tradisional sehingga menimbulkan kehairanan dari kalangan penduduk setempat. Bezanya serban dan jubah yang dipakainya berwarna hitam. Hal ini dikisahkan oleh Abdullah Yegin, seorang penuntut Rasail an-Nur yang paling tua ketika dia menziarahi Said Nursi di Kastamonu. Menurut Abdullah Yegin:

*...Said Nursi was wearing a black turban and a long gown, also black. It was impossible to go out dressed in such clothes at that time, above all with the police* (Vahide, 2005).

Dakwah Said Nursi melalui pakaian diteruskan selepas beliau dibuang daerah di pendalam Emirdag (sebuah perkampungan di bandar Afyon) selepas dibebaskan dari penjara Denizli pada 31 Julai 1944. Berikutan peraturan kerajaan melarang pemakaian serban ketika itu masih berkuat kuasa, gerak geri Said Nursi sering dicurigai dan diperhatikan oleh pegawai-pegawai kerajaan, berikutan beliau yang sentiasa mengenakan pemakaian jubah dan serban. Namun beliau tetap memilih untuk tidak mengubah gaya berpakaian ini. Beliau sanggup tidak keluar dari tempat kediamannya demi mempertahankan cara pemakaian tradisional beliau (Ramli et al., 2015).

## KESIMPULAN

Said Nursi merupakan seorang tokoh Islam prolifik yang sangat aktif dalam lapangan dakwah dan pembangunan insan. Beliau telah meninggalkan legasi perjuangan yang masih diingati dan diperjuangkan oleh generasi masa kini. Susunan strategi dakwah melalui penguasaan dan kemahiran dalam ilmu retorik pengucapan, menjadikan metode dakwah Said Nursi lebih popular berbanding ulama lain sezamannya.

Pendekatan komunikasi yang tepat, khususnya ketika menyampaikan dakwah merupakan antara kelebihan dan kekuatan Badiuzzaman Said Nursi. Komunikasi dakwah efektif Said Nursi merangkumi 4 elemen komunikasi bukan lisan iaitu, kinesik, kronemik, paralinguistik, dan artifaktual memperlihatkan Said Nursi serius mempraktikkan dakwah *bi al-hāl* sebagaimana sunnah nabi Muhammad SAW. Ini bagi memastikan kesan dan impak penyampaian dakwah yang dibawahnya benar-benar berkesan dan efektif.

Menurut Ozalp (2016), Said Nursi telah menemui dan menguasai ‘peralatan’ (*tools*) komunikasi yang sesuai bagi memujuk dan menarik sasaran dakwah. Said Nursi tidak hanya menumpukan soal kandungan dakwah sebagaimana ulama-ulama tradisional, malah memberi penekanan serius kepada strategi teknikal dakwah, seperti aspek bahasa isyarat badan, ekspresi muka, penampilan, dakwah persuasif lisan dan bukan lisan, dan sebagainya .

Justeru dengan kajian ini dapat mengetengahkan sumbangan dan jasa Badiuzzaman Said Nursi dalam bidang komunikasi dakwah efektif melalui elemen komunikasi bukan lisan, khususnya 4 elemen ini, untuk dihayati seterusnya dipraktikkan oleh masyarakat muslim, khususnya dari kalangan pendakwah. Berdasarkan pengalaman dan perakuan dari ramai sarjana, sama ada muslim dan bukan muslim, beliau adalah tokoh yang tepat dan layak untuk dijadikan antara model *da'i* yang agung dan relevan dengan suasana masyarakat mutakhir ini, khususnya di Malaysia, dalam konteks komunikasi dakwah yang efektif.

#### BIODATA

*Muaz Mohd Noor* (Dr.) (*corresponding author*) merupakan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Pemikiran Islam dan Komunikasi Dakwah. Email: muaz3108@uitm.edu.my

*S. Salahudin Suyurno* (Profesor Dr.) merupakan Dekan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Komunikasi Islam. Email: ssalahud@uitm.edu.my

*Faridah Mohd Sairi* (Dr.) merupakan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia. Beliau pakar dalam Dakwah Badiuzzaman Said Nursi. Email: faridah0052@uitm.edu.my

## SUMBER RUJUKAN

- Abu-Rabi, I. M. (2016). *Theodicy and Justice in Modern Islamic Thought: The Case of Said Nursi*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315236421>
- Adler, R. B., & Rodman, G. (2003). *Understanding Human Communication* (11th ed.). New York: Oxford University Press.
- al-Qadsi, A. S. A., & Bidin, S. N. B. S. (2017). The elements of Sufism in the da'Wah of Bediuzzaman Sa'id Nursi. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 142–150. <https://doi.org/p63z>
- Akhmetova, E. (2021). Said Nursi on Secularism, Religious Rights, Ethics, and Education. *Islam and Civilisational Renewal (ICR) Journal*, 12(1). <https://doi.org/p634>
- Aliff Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Norkhairiah Hashim. (2020). Komunikasi berkesan menerusi pembelajaran berasaskan masalah dalam kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 20-40. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3601-02>
- Al-Yassino, M. A. (2022). Methods of advocacy and communication in the Risale-i Nur. *Journal of Risale-i Nur Studies*, 5(1), 1–10.
- Amin, E. (2018). Pemikiran dakwah Bediuzzaman Said Nursi. *Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan (Dakwah)*, 22(2), 137–150. <https://doi.org/p633>
- Bakti, A. F. (2021). Good deeds as positive action in Nursi's work: Human communication perspective. *12th International Symposium of Badiuzzaman Said Nursi*, 391–408.
- Burhanuddin, J., Amnah Saayah, I., & Sayuti, A. G. (2018). Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu soroton. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23–33.
- Faridah Mohd Sairi. (2015). Metode dakwah Bediuzzaman Said Nursi dalam Rasail Al-Nur. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. WorldConferences.net, 9-10 March 2015.
- Farra Humairah Mohd, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Anuda Sarudin. (2023). Adab berkomunikasi secara berkesan dalam cerpen kanak-kanak pilihan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 514-533. <https://doi.org/ps9f>
- Grothe, T. (2023, January). *Exploring Intercultural Communication*. Libre Texts. [https://socialsci.libretexts.org/Courses/Butte\\_College/Exploring\\_Intercultural\\_Communication\\_\(Grothe\)](https://socialsci.libretexts.org/Courses/Butte_College/Exploring_Intercultural_Communication_(Grothe))
- Ibtisam, I., & Berhanundin, A. (2019). Pendekatan pengurusan kemahiran pendakwah profesional dalam dakwah kepada masyarakat awam. *Proceeding of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*.
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, & Zainab Ismail. (2018). Trait personaliti pendakwah Muslim: Satu sorotan literaur. *Jurnal Al-Hikmah*, 10(2), 34–54.
- Joshua, K. (2007). *Communication Skill* (1st ed.). Chandni Chowk, Delhi: Global Media.
- Kalman, Y. M., Ballard, D. I., & Aguilar, A. M. (2021). Chronemic urgency in everyday digital communication. *Time and Society Journal*, 30(2), 153–175. <https://doi.org/g68h>
- Kristiyani, I. (2012). Pengaruh Komunikasi Non Verbal terhadap Kepuasan Pelanggan. *Efisiensi, Jurnal Kajian Ilmu Administrasi*, 12(1). <https://doi.org/10.21831/efisiensi.v12i1.3868>
- Meerangani, K. A. (2019). Cabaran dakwah terhadap golongan non Muslim di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 2, 14–22.
- Mishra, S. (2018). Nonverbal communication: An influential tool for effective management. *International Journal of Business and General Management (IJBGM)*, 7(3), 19–24.

- Mohamad Zaidin Mohamad, Kamarul Shukri Mat Teh, Sofyuddin Yusof, Ahmad Fauzi Hasan, Ahmad Zahid Salleh, & Ahmad Bukhori Ghazali. (2018). Building a personality by installing noble values: Implementing Nursi's thoughts in a Malaysia context. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 437–444. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i11/4914>
- Muhammad Zulqarnain, Muhammad Rizwan Mahmood, Muhammad Umer Raheel, Ahmad Munir, & Faizan Hassan Javed. (2022). Interpretation of diverse dimensions of 'faith' by Bediuzzaman Said Nursi and its impact upon reawakening Muslim societies. *Jurnal Webology*, 19(3), 3619–3630.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, Nur Shazana Abdul Rani, Mohamad Hafifi Jamri, Mohd Hilmi Bakar, Shafezah Abdul Wahab, Maizatul Haizan Mahbob & Nazri Kahar. (2022). The importance of non-verbal communication in organizations. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 1841–1851. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i6/13901>
- Nordin Halias. (2016). *Komunikasi nonverbal dalam pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah agama*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim, & Mohd Shukri Hanapi. (2021). Aspek-aspek pembangunan insan: Analisis ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. *JISED: Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(39), 134–146.
- Norullisza Khosim, Shereeza Mohamed Saniff, & Azrin Ibrahim. (2022). Usaha dan strategi dakwah Badi'al-zaman Sa'id al-Nursiy dalam pembangunan insan. *Jurnal YADIM*, 2(2), 10–23. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v2.70>
- Nur Sakinah Thomas. (2017). *Nursi's call to his rhetorical audience in Damascus Sermon*. Paper presented at the 11th International Bediuzzaman Symposium, A Faith Service through the Guidance of the Qur'an and Sunnah: Positive Action, 1–34.
- Nur Sakinah Thomas. (2019). The role of Nursi's Risale-I Nur in psychological wellbeing. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 15(4), 37–44.
- Nuredayu Omar, & Salafiah Mohd Ali. (2021). Komunikasi bukan lisan dalam konteks kehadiran sosial di ruang maya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 273–239. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3704-16>
- Ozalp, M. (2016). *God and tawhid in classical Islamic theology and Said Nursi's Risale-I-Nur* (Thesis PhD, University of Sydney, Australia).
- Ramli, A., Kamaruzaman, Y., Mansoureh, E., & Omer, Y. (2015). A challenge from teaching to social movement: Bediuzzaman Said Nursi's struggles for modification in Turkey. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6), 444–451. <https://doi.org/g68h>
- Richard, E. (2009). *Communication Skills: Stepladders to Success for the Professional*. Intellect Books.
- Rohaenah, I. K., Suhartini, A., & Ahmad, N. W. (2020). Teologi konsep Uswah Hasanah Rosulullah. *Jurnal Ilmiah Falsafah Jurnal Kajian Filsafat, Teologi dan Humaniora*, 6(1), 50–66.
- Ruben, B. D., & Stewart, L. P. (2005). *Communication and Human Behaviour*. USA: Alyn and Bacon.
- Said Nursi, B. (1959). *Emirdag Lahikasi*. Istanbul: Sinan Matbaasi.
- Said Nursi, B. (2007a). *Al-Mathnawi Al-Nuri*. (Huseyin Akarsu, Ed.). The Light, Inc.

- Said Nursi, B. (2007b, January 2023). Proofs of Divine Will. *Risaleinur.com*. <https://risaleinur.com/risale-i-nur-collection/72-the-rays/4673-15i-proofs-of-divine-will.html>
- Said Nursi, B. (2007c). The Twenty-fifth Word. *Risaleinur.com*. <http://risaleinur.com/risale-i-nur-collection/117-humanitys-encounter-with-the-divine-series/belief-and-unbelief/3187-15-the-twenty-fifth-word.html>
- Said Nursi, B. (2008). *The Guide for the Youth*. (G. Rehberi, Ed.). Gençlik Rehberi.
- Said Nursi, B. (2013). *Sirah Al-Dzatiyyah* (Ihsan Qasim al-Salih, Ed.). Kaherah: Sozler Publications.
- Thaib, E. J. (2020). The communication strategies for moderate Islamic da'wah in countering radicalism in Gorontalo City, Indonesia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 143-156. <https://doi.org/p635>
- Tekke, M., & Watson, P. J. (2017). Supplication and the Muslim personality: Psychological nature and functions of prayer as interpreted by Said Nursi. *Jurnal Mental Health, Religion and Culture*, 20(2), 143–153. <https://doi.org/p638>
- Sariningsih, W., Yunianto, T., & Isawati. (2019). Perang Khandaq (tahun 627 M) studi tentang nilai-nilai kepemimpinan dan relevansinya dengan materi sejarah Islam. *Jurnal Candi*, 19(1), 125–137.
- Vahide, S. (2005). Bediuzzaman and the Thirty-first of March incident. In I. M. Abu-Rabi' (Ed.), *Islam in Modern Turkey: An Intellectual Biography of Bediuzzaman Said Nursi* (Chap. 3, pp. 65–82). Albany: State University of New York Press.
- Vahide, S. (2011). *Badiuzzaman Said Nursi Author of the Risale-i Nur*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.